

28 MAY 2000

KAKAK DR MAHATHIR CEDERA SETELAH TERJATUH DALAM BILIK AIR

ALOR SETAR, 28 Mei (Bernama) -- Kakak kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Habsah, dimasukkan ke Pusat Pakar Utara (PPU) di sini hari ini kerana cedera selepas terjatuh dalam bilik air.

Anak perempuan Habsah, Kalthum Abdul Ghani berkata, ibunya cedera di kaki kiri akibat terjatuh selepas mengambil wuduk pada pukul 1.30 tengah hari.

"Beliau dimasukkan ke PPU dan doktor yang merawatnya berkata Habsyah, 83, akan menjalani pembedahan kecil esok," katanya kepada pemberita yang melawat Habsah malam ini.

Kalthum berkata, keadaan ibunya itu tidak begitu serius dan masih sedar serta dapat berbual-bual dengan saudara mara yang melawat beliau.

Menurut Kalthum, Dr Mahathir telahpun dimaklumkan mengenai kejadian itu dan kemungkinan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan melawatnya esok.

-- BERNAMA

MN FAZ